

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
TINGKAT 11, WISMA DARUL IMAN,
20200 KUALA TERENGGANU.

10A



PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 1/1993.

Jawatankuasa Teknikal Memproses Permohonan
Tukar Syarat Dan Pecah Sempadan Tanah.

Bagi mempercepatkan serta memberi keberkesanan pemerosesan permohonan tukar syarat tanah Jawatankuasa Tanah, Galian dan Perhutanan Negeri di dalam persidangannya pada 31.1.1993 telah memutuskan:-

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Teknikal di peringkat daerah yang terdiri daripada :-
- a) Pentadbir Tanah - Pengerusi.
 - b) Timbalan Yang Dipertuan Penguasa Tempatan berkenaan.
 - c) Pengarah Perancang Bandar dan Desa/wakil.
 - d) Jurutera Daerah, J.K.R. berkenaan.
 - e) Pegawai Pertanian Daerah.
 - f) Pegawai Pengairan dan Saliran Daerah.
 - g) Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta/Wakil.
 - h) Penolong Pentadbir Tanah - Setiausaha.

Tambahan:

Pengarah Alam Sekitar, bila perlu.

- (ii) Harga tanah tambahan hendaklah berasaskan nilai tanah yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.
- (iii) Jadual mesyuarat bulanan (atau lebih kerap kali) yang tetap hendaklah disediakan dan dipatuhi.
- (iv) Dasar yang menyekat penukaran syarat tanah kepada bangunan melebihi 3 hektar dibatalkan dan bolehlah diproses serta dibuat perakuan bagi pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
- (v) Senarai semakan (check-list) hendaklah disediakan untuk mengesan pemerosesan.
- (vi) Penurunan kuasa oleh jabatan-jabatan teknikal kepada pegawai-pegawai adalah penting bagi membolehkan keputusan dan ulasan dibuat dengan segera.

...2/-

(vii) Tempoh penyelesaian tukar syarat tanah adalah 4 bulan sahaja.

2. Sebagai panduan disertakan:-

- (a) Panduan Pemerosesan Permohonan Tukar Syarat
- Lampiran `B'.
- (b) Carta Aliran Pemerosesan Prmohonan Tukar Syarat
- Lampiran `D'.

3. Kelewatan memproses permohonan tukar syarat tanah dan pecah sempadan tanah adalah diantara isu yang dipandang serius oleh Majlis Tanah Negara dan juga Pihak Pentadbiran Negeri. Dengan itu adalah wajar ianya diberi perhatian yang bersungguh-sungguh supaya hasrat kerajaan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada orangramai tercapai dengan mematuhi garis panduan yang diputuskan itu.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NIK MOHD KHALID BIN KAMIL)

Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

EDARAN

- 1. Pentadbir Tanah Kuala Terengganu.
- 2. Pentadbir Tanah Besut.
- 3. Pentadbir Tanah Dungun.
- 4. Pentadbir Tanah Hulu Terengganu.
- 5. Pentadbir Tanah Kemaman.
- 6. Pentadbir Tanah Marang.
- 7. Pentadbir Tanah Setiu.

s.k.

YB. Setiausaha Kerajaan, Terengganu.

Fail : PTG.TR. G/05/1988/06/01 - (22)
Tarikh : 18 Mac 1993
Bersamaan : 24 Ramadhan 1413

DNMK/amy
pek1/dis2

Panduan Pemerosesan Permohonan Tukar Syarat.

1. Tanggungjawab Pemohon

Permohonan hendaklah disertai dengan:-

25 salinan pelan yang menunjukkan:

- (a) Jenis kegunaan tanah di sekelilingnya.
- (b) Pantai/laut/sungai/alur/longkang besar yang terdapat dalam lingkungan 50 meter lot berkenaan.

2. Tugas Pentadbir Tanah

2.1. Menyediakan Laporan Perihal Tanah:

Kedudukan/keadaannya.

2.2. Meminta jabatan-jabatan berikut mengemukakan laporan/pandangan:

- i) Penguasa Tempatan: Perancangan mengikut "zoning" pelan (Kawasan Penguasa Tempatan).
- ii) Jabatan Perancang Bandar dan Desa: Kesesuaian untuk tujuan yang di pohon (bagi kawasan yang terkeluar daripada Penguasa Tempatan).
- iii) Jabatan Pengairan dan Saliran: Kesesuaian dan syarat-syarat kawalan hakisan (jika terdapat pantai / laut / sungai / alur/ longkang besar JPS dalam lingkungan 50 meter).
- iv) Jabatan Pertanian: Ulasan dikehendaki jika tanah yang terlibat termasuk di bawah sektor pertanian (terkeluar kawasan pembangunan).
- v) Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta: Nilai tanah.

2.3. Jabatan-jabatan terlibat hendaklah mengemukakan laporan/pandangan dalam tempoh 1 bulan (dari tarikh permohonan diterima oleh Pejabat Tanah).

3. **Tugas Urusetia Jawatankuasa Teknikal**

3.1. Permohonan akan dibawa bagi pertimbangan Jawatankuasa Teknikal dalam tempoh 6 minggu dari tarikh permohonan diterima.

3.2. Kertas M.M.K.N. disiap dalam tempoh 2 minggu.

4. **Tugas Pengarah Tanah dan Galian**

Menyemak kertas M.M.K.N. serta beri ulasannya sebelum kertas sedia dibawa bagi pertimbangan M.M.K.N. dalam tempoh 2 minggu.

5. **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri**

Menimbang dan mengedarkan keputusan kepada Pengarah Tanah dan Galian dalam tempoh 4 minggu.

6. **Keputusan**

6.1. Pemohon menerima keputusan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh M.M.K.N. membuat keputusan.

6.2. Jumlah tempoh masa menyelesaikan - 16 minggu (4 bulan).

6.3. Keputusan terbatal jika bayaran yang dituntut tidak dibayar dalam tempoh 6 bulan.

DNMK/amy
syarat.kj-/dis 2.

PROSES 1 : PERMOHONAN TUKAR SYARAT TANAH

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	
PEMOHON	PEJABAT TANAH	J/KUASA TEKNIKAL TSPS	PTD	PTG	MMK	PTG	PEJABAT TANAH	PEMOHON
	6 MINGGU		2 MINGGU	2 MINGGU	4 MINGGU	1 MINGGU	1 MINGGU	

2a	2b
Bahagian Pembangunan	Bahagian Charting
2c	2d
Bahagian Pendaftaran	Bahagian Komputer

JUMLAH = 16 MINGGU.

Prosidur Kerja

(1)	(2)
Permohonan dibuat ke Pej. Tanah	1. Pejabat Tanah terima permohonan dari tuan tanah
	2. Semakan.
	3. Daftar fail.
	4. Akuan terimaan.
	5. Juruteris buat carting atas Lito sheet dan isi borang charting.
	6. S.O. buat laporan tanah.
	7. Rujuk ke jabatan teknikal.
	8. Meneliti laporan tanah.
	9. Membentang permohonan kepada JK. Teknikal.

(3)
1. Anggota J/Kuasa: Pengerusi: PTD S/Usaha : PPTD berkenaan Ahli Tetap: a) JPB&D b) Penguasa Tempatan c) JKR d) JPS e) Pertanian f) Penilaian Ahli Tambahan:(jika perlu) Alam Sekitar
1. PTD menetapkan dan menyediakan agenda mesyuarat.
2. PTD sediakan senarai permohonan dan panggil mesyuarat.
3. PTD semak semua dokumen yang diperlukan oleh J/Kuasa Teknikal.
4. J/Kuasa Teknikal membincang dan buat perakuan

(4)
Pejabat Tanah Sediakan Kertas MMKN dan hantar ke PTG.

(5)
PTG kemukakan Kertas Untuk MMK

(6)
1. MMK membuat pertimbangan permohonan tukar Syarat Tanah.
2. S/Usaha MMK sampaikan keputusan MMK kepada PTG.

(7)
PTG sampaikan keputusan kepada PTD untuk tindakan selanjutnya.

(8)
1. Pejabat Tanah Daerah membuat catatan keputusan MMK atas Lito Sheet dan Penyata Cukai.
2. Pemohon diminta membuat bayaran premium dll. dalam tempoh 6 bulan dari tarikh terima surat PTD.